

Sepasang kekasih disyaki terlibat dadah dicekup

Posted on January 7, 2015, Wednesday



BERKAS: Kedua-dua suspek (depan) dibawa ke Balai Polis Pusat Miri sebaik tangkapan semalam.

MIRI: Sepasang kekasih disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah dicekup polis dalam Ops Hotel di sebuah hotel bajet, di sini pagi semalam.

Berikutan itu, kedua-dua suspek berusia 38 dan 34 tahun dibawa ke pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri untuk disoal siasat.

Menurut sumber, bertindak atas maklumat, sepasukan polis BSJND Miri diketuai Inspektor Shahibbul Najib melakukan operasi di sebuah hotel bajet kawasan pusat bandar di sini dan menahan seorang lelaki bersama seorang wanita untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Ketika ditahan sekitar jam 11 pagi itu, kedua-dua suspek sedang berada di hadapan sebuah bilik di hotel berkenaan.

Hasil pemeriksaan, polis merampas satu pekot plastik kecil lutsinar berisi ketulan-ketulan kristal dipercayai dadah berbahaya jenis syabu dengan anggaran berat 0.13 gram.

Kedua-dua suspek kemudian dibawa ke BSJND Miri bagi menjalani ujian saringan air kencing dan hasilnya masing-masing menunjukkan kesan positif dadah jenis amphetamine.

Berikutan itu, suspek lelaki ditangkap untuk membantu siasatan lanjut di bawah Seksyen 12 (2) dan 15 (1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 kerana disyaki memiliki dan mengambil dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Manakala suspek wanita ditangkap mengikut Seksyen 3 (1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 kerana disyaki penagih dadah